

SULIT

**PEJABAT PELAJARAN  
DAERAH GOMBAK**



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Ogos 2009**

1103/2

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2(b), soalan 2(c), soalan 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah]

1103/2 @ Hak Cipta PPD Gombak

SULIT

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

**Soalan 1 : Rumusan**  
[30 markah]

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang kelebihan menyertai aktiviti kokurikulum dalam kalangan murid dan faktor murid tidak berminat menyertai aktiviti tersebut. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Kegiatan kokurikulum melibatkan penyertaan pelajar dalam sukan dan permainan, persatuan dan kelab, dan pasukan pakaian seragam. Kegiatan ini adalah lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang memberi murid peluang untuk menambahkan, mengukuhkan dan mengamalkan pengetahuan, *kemahiran bernilai tambah* serta nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah.

Sebelum ini, kokurikulum mungkin dianggap sebagai aktiviti riadah selepas waktu persekolahan oleh kebanyakan pelajar tanpa menyedari kepentingannya. Perkara ini timbul kerana kurangnya pendedahan mengenai kepentingan dan faedah yang diperoleh. Secara tidak langsung, aktiviti kokurikulum dapat melatih pelajar mengamalkan sikap kepimpinan dalam sesuatu kumpulan atau organisasi. Aktiviti kokurikulum biasanya melibatkan aktiviti luar seperti perkhemahan. Aktiviti sebegini, dapat memupuk sikap berdikari dalam diri setiap pelajar kerana mereka perlu mengurus segala keperluan tanpa kemudahan dan bantuan sesiapa.

Dalam aktiviti kokurikulum juga pelajar akan diberikan pendedahan kepada kerja berpasukan dan berkumpul yang secara tidak langsung akan memupuk semangat berpasukan dalam diri. Ketika menyertai aktiviti kokurikulum, pelajar akan didedahkan dengan kemahiran berkomunikasi dalam kerja-kerja berpasukan dan hal ini dapat membantu pelajar supaya tidak takut untuk berkomunikasi dalam khalayak ramai. Pelajar yang komited dengan aktiviti kokurikulum di sekolah biasanya akan menjadi pelajar yang mudah mematuhi disiplin dan arahan ketua.

Kebanyakan masalah yang timbul jika kurang aktif dalam kokurikulum akan mempengaruhi pengurusan emosi seseorang, iaitu sukar untuk menerima sebarang tekanan atau masalah. Seseorang yang enggan menyertai aktiviti kokurikulum juga biasanya akan menjadi seseorang yang lemah sahsiah dirinya dan kurang kreatif jika dibandingkan dengan pelajar yang aktif di sekolah. Kesan jangka panjang bagi pelajar yang tidak mementingkan aktiviti kokurikulum, biasanya akan mempengaruhi dunia pekerjaan apabila mereka bersikap suka bertukar-tukar kerja akibat tidak pandai menyesuaikan diri dan kurang mempunyai kemahiran berkomunikasi.

Dalam aktiviti kokurikulum pelajar akan diberikan pendedahan kepada kerja berorganisasi yang akan memudahkan mereka melakukan sebarang pekerjaan kerana mereka telah dibiasakan dengan konsep tersebut. Pelajar juga berkeupayaan untuk menambahkan ilmu pengetahuan tidak formal, misalnya pertolongan cemas dan membaca peta yang sememangnya berguna dalam kehidupan. Antara kebaikan pelajar bergiat aktif dalam bidang kokurikulum ialah merapatkan hubungan antara pelajar dengan guru menjadi

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

rapat. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam setiap aktiviti yang diadakan, kerjasama akan terjalin antara pelajar dan guru. Hubungan yang terjalin ini juga memberikan kelebihan kepada pelajar itu sendiri kerana kebiasaannya pelajar yang dikenali guru lebih mudah berinteraksi dan bekerjasama dengan guru mereka. Menurut Eksekutif Kaunselor di Universiti Kuala Lumpur, Puan Mahyana Mukhtar, aktiviti kokurikulum sangat penting kerana kokurikulum boleh membentuk diri seseorang pelajar ke arah pembentukan (ESQ) 'Emotional Spiritual Question' berbanding dengan penglibatan secara aktif dalam akademik sahaja. Aktiviti kokurikulum juga melatih pelajar supaya bijak menggunakan masa lapang mereka dengan menyertai aktiviti yang lebih mendatangkan faedah. Secara keseluruhannya, aktiviti kokurikulum merupakan langkah positif ke arah pembentukan modal insan berkualiti tinggi dan menyemarakkan kecemerlangan diri seseorang pelajar.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Aktiviti Kokurikulum: Berfaedah Untuk Pelajar, oleh Norlizaina binti Mohd Ali, Fokus SPM, April 2008)

**Soalan 2 : Pemahaman**  
[ 35 markah ]

**Soalan 2 (a) Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kemahiran bernilai tambah*. [ 2 markah ]
- (ii) Apakah kesan negatif yang akan timbul sekiranya seseorang pelajar tidak mahu menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah? [ 3 markah ]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah? [ 4 markah ]

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- UMAR : ( Tidak bergerak) Aku bahagia dengan caraku.
- SAFIAH : (Memegang lengan Umar, merayu manja) Aku ingin mendapat sekali peluang ke luar negeri, duduk di sana.
- UMAR : (Menoleh memandang kekasihnya, nada lembut sedikit) Mungkin satu hari nanti, Piah.
- SAFIAH : (Kesal kerana gagal) Tidak! Sekarang inilah peluangnya! Kau harus menentukan masa depanmu. (Wajah Umar beku semula. Dia berpaling, merokok, membisu. Safiah memandangnya dengan kesal) Kalau aku jadi kau, kalau aku jadi lelaki masuk universiti, aku akan membahagiakan tunangku.
- UMAR : Dan kalau aku jadi kau, aku mengajak kekasihku berbakti. (Wajahnya sedih, bermenung memandang ke masa silam, rokok terbiar di celah jarinya, pengucapannya tenang dan lambat, mengenang) Kau tak tahu, Piah. Sayang, kau tak melihat bagaimana aku kecil-kecil dulu, pergi ke sekolah dengan kaki ayam, berjalan di atas batas-batas sawah. Ibu sakit-sakit dan ayah pergi ke hutan bekerja balak. Kadang-kadang kami makan sekali sehari. Aku ke sekolah dengan perut lapar, tak membawa wang satu sen pun...( Safiah mendengar terpesona, wajahnya turut sedih, matanya terpaku ke wajah Umar) Dan kau menemui aku ketika aku sudah menjadi mahasiswa, dengan buku-buku, dalam kuliah...kalau kau menyayangi aku dulu lagi, kita akan lebih bahagia...(Tiba-tiba berpaling menghadapi Safiah) Tanyalah dirimu, Piah apa yang membawa hatimu padaku? Aku anak kampung, aku dilahirkan di atas tikar di lantai nibung. Kalau kau mengasihi aku kerana aku mahasiswa, maka kasih itu tak akan kekal. Kalau kau mencintai aku kerana kau menggantungkan cita-citamu untuk ke luar negeri, maka kasih itu akan malap nanti. Kasihlah padaku kerana aku. Aku, bukan kerjaku, bukan pelajaranku. Aku pun sayang padamu bukan kerana kau cantik sahaja, bukan kerana kau anak pegawai tinggi dalam Kementerian Pelajaran, tapi kerana dirimu, sifatmu. (Mata Safiah terpaku ke mata kekasihnya. Bibir Safiah menggeletar, bergerak-gerak seolah-olah hendak mengatakan sesuatu, tapi suaranya tak keluar).

(Dipetik daripada 'Serunai Malam'  
oleh Usman Awang dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan keadaan hidup Umar sewaktu kecil.  
[ 2 markah ]
- (ii) Pada pendapat anda apakah faedah-faedah yang diperoleh jika seseorang bekerja di negara sendiri.  
[3 markah ]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** latar masyarakat lain yang terdapat dalam keseluruhan drama. [ 4 markah ]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah Saidah mendengar kata Sabor demikian, maka makin bertambah-tambah marahnya lalu ia kembali kepada tempatnya, seraya tidur di sisi suaminya. Adapun akan Sabor itu, telah dilihatnya Saidah sudah kembali, maka ia pun mengucap, "Alhamdulillah! Syukurlah aku kepada Allah *subhanahu wataala!*"

Maka diamlah, berfikiran pesan Raja Damsyik itu terlalu benar, tiadalah bersalahan lagi. Maka katanya, "Raja itu *memberi faedah lagi manfaat* dengan firman Allah taala dan sabda Nabi. Adapun akan pesan raja itu: "Jangan bermalam di rumah orang tua beristeri muda. Demikian itulah datang kepada engkau barang suatu pekerjaan yang hendak dikerjakan, jangan dikerjakan sampai ketiga kali, maka engkau kerjakan, dan jika kau kerjakan seperti kehendak perempuan itu dengan serta hawa nafsu iblis, nescaya jatuhlah ke dalam neraka jahanam."

(Dipetik daripada 'Sabor',  
dalam Antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memberi faedah lagi bermanfaat*.  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga nasihat raja Damsyik kepada Sabor?  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak bermoral?  
[3 markah]

**Soalan 2 (d) - Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**ANAK LAUT**

Segar angin laut  
 mengembalikan rindunya pada kolek  
 bagai buih kecil terapung di air  
 menjaring sedikit rezeki  
 dan sisik ikan  
     kulit ketam  
     kepala sotong  
     dan  
     kaki udang yang bersimpati

Seperti kolek terdampar di pasir  
 menampakkan urat jalur-jalur tua  
 anak laut itu sudah dapat menerka  
*langkahnya hampir tiba*  
 pada muara Pencipta

Rahimidin Zahari  
 Antologi *Anak Laut*,  
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- ( i ) Berikan maksud *langkahnya hampir tiba*? [2 markah]
- (ii) Apakah yang boleh dilakukan oleh nelayan untuk meningkatkan taraf hidup mereka? [4 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** gaya bahasa perlambangan yang terdapat dalam sajak tersebut. [ 3 markah]

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis *satu* ayat bagi tiap-tiap frasa dalam pasangan frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) air mata - mata air
- (ii) orang kampung - kampung orang
- (iii) telur ayam - ayam telur

[6 markah]

(b) Tulis petikan di bawah ini dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki mengekalkan susuna isi dalam petikan ini.

Ana bertanya kepada ibunya siapa yang akan datang ke rumah mereka. Ibunya memberitahu bahawa orang yang akan datang ialah seorang peguam. Ana yang berasa terkejut bertanya kepada ibunya untuk mendapatkan kepastian benarkah peguam yang akan datang ke rumah mereka. Selain itu, Ana bertanya lagi sebab kehadiran peguam itu ke rumah mereka. Ibunya mengesyakan dan menjelaskan bahawa tujuan kedatangan peguam adalah untuk membacakan surat wasiat arwah bapa Ana. Surat wasiat itu adalah untuk membahagikan harta pusaka. Ana akhirnya faham akan tujuan kedatangan peguam itu. Ibunya yang melihat Ana masih tercegat di situ mengarahkan Ana supaya segera mengemas rumah.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah, terdapat *tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan*. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada *tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan*. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Pihak kerajaan telah mengambil langkah yang pro aktif dalam usaha tangani gangguan sosial dalam kalangan remaja. Hal ini demikian kerana semangat patriotik dalam kalangan jenerasi muda hari ini makin terhakis dari sehari ke sehari. Diharapkan usaha yang maksima dapat dilaksanakan agar dapat capai tahap yang amat membanggakan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** atau **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Budayawan Dato' Sharifah Aini banyak menghasilkan album lagu-lagu Melayu asli dan moden sehingga artis-artis lain sukar untuk menandingi beliau.
- (ii) Segala haiwan-haiwan di dalam hutan belantara itu pun keluar dan berhimpun di kawasan lapang untuk menyaksikan perlumbaan antara monyet dan siput di sepanjang sungai itu.
- (iii) Gerai itu sering pembeli kerumuni terutamanya ketika orang balik dari pejabat oleh kerana laksa asamnya sedap.

[6 markah]

(e) Baca peribahasa di bawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan **satu** peribahasa yang sama maksud.

- (i) Bagai mencurahkan air ke daun ketadi.
- (ii) Ke gunung sama di daki, ke lurah sama dituruni.
- (iii) Sehari selembat benang lama-lama jadi kain.

[6 markah]



**Soalan 4 : Novel***(15 markah)*

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel- novel yang berikut :*

- (i) Terminal Tiga, karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua, karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau, karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong, karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir, karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia, karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan, karya Ishak Hj. Muhammad

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan biodata pengarang yang mempengaruhi penulisan novel tersebut.

[ 7 markah ]

(b) Terdapat pelbagai teknik plot yang digunakan dalam sesebuah novel. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** teknik plot.

[ 8 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)